Berita BKD: November 2018

BERITA SEMASA

BAHAGIAN KABINET DAN DASAR

JABATAN KETUA MENTERI, SABAH

BERITA SEMASA

NOVEMBER **2018**

BAHAGIAN KABINET DAN DASAR, JABATAN KETUA MENTERI

BENGKEL EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Bengkel Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang dikendalikan oleh Encik Josliw bin Matjumping dari MAMPU

Bengkel Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan pada 23 haribulan November 2018 bersamaan hari Jumaat bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Kabinet dan Dasar (BKD) tingkat 27 Pusat Pentadbiran Negeri Sabah. Encik Josliw bin Matjumping dan Encik Justin George Nlol adalah pegawai yang telah dihantar oleh pihak *Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit* (MAMPU) untuk memberikan taklimat EKSA dan seramai 16 orang kakitangan telah turut serta dalam bengkel EKSA yang dianjurkan oleh pihak BKD.

Disediakan oleh : Lubelter Voy

ROMBONGAN LAWATAN PENANDA ARAS EKSA

Rombongon lawatan penanda aras EKSA ke UMS telah diadakan pada 29 haribulan November 2018 jam 9:00 pagi. Seramai 11 orang kakitangan daripada Bahagian Kabinet dan Dasar telah turut serta dalam lawatan ini dan rombongan diketuai oleh Encik Hajimin Hj Maslin, Ketua Penolong Pengarah Unit Dasar BKD. Lawatan ini merupakan lawatan sambil belajar bagi melihat sendiri pelaksanaan EKSA di UMS.

Disediakan Oleh : *Lubelter Voy*

Taklimat mengenai pelaksanaan EKSA di UMS yang disampaikan oleh Encik Samsuidin bin Nurdin

Rombongan berkesempatan melawat ke beberapa tempat dan kawasan pelaksanaan EKSA UMS seperti American Corner Perpustakaan UMS, Pejabat Penerbitan, Pejabat Multimedia dan ICT, Pejabat Pengurusan Fail dan sebagainya.

TERIMA KASIH UMS

Encik Hajimin Hj Maslin (Tengah dari Kiri) bersama rombongan-memberi cendera kenangan kepada Encik Samsuidin bin Nurdin (Tengah dari Kanan)

Tuan Hajimin Hj Maslin sebagai ketua rombongan memberikan cendera kenangan kepada Ketua Kluster EKSA UMS Encik Samsuidin bin Nurdin setelah selesai membuat lawatan di sekitar UMS seperti American Corner Perpustakaan UMS, Pejabat Penerbitan, Pejabat Multimedia dan ICT, dan Pejabat Pengurusan Fail

Disediakan Oleh : *Lubelter Voy*

Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama

Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Yang ke 15 telah berlangsung selama 7 hari bermula 9 haribulan November sehingga 15 November 2018. Kesemua Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Kerajaan bersiap sedia di bilik Mesyuarat Layang-Layang Dewan Undangan Negeri Sabah bagi membantu dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepada Y.A.B Ketua Menteri Sabah.

Disediakan oleh : *Lubelter Voy*

Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terlibat dalam menjawab soalan yang dikemukakan kepada Y.A.B Ketua Menteri Sabah

TAHNIAH!

Puan Noradzma Isabelo (Kiri), Cik Norhaidayati Hamsar (Tengah), dan Cik Nordiania Asaad (Kanan)

Kuiz Kahoot EKSA telah diadakan setelah selesai sesi taklimat di bilik mesyuarat BKD yang dianjurkan oleh penceramah EKSA Encik Josliw bin Matjumping dan Encik Justin George Nlol. Tiga orang kakitangan BKD berjaya menjawab kuiz yang diberikan dengan mendapat markah yang tertinggi daripada 16 orang peserta yang turut serta dalam kuiz tersebut dan mereka ialah Cik Norhaidayati Hamsar, Cik Nordiania Asaad dan Puan Noradzma Isabelo.

Disediakan oleh : *Lubelter Voy*